



## Munysi T4

1.Mel berhajat untuk tinggal dan bekerja di ibu kota. Namun begitu, hasratnya itu dihalang oleh ibunya. Menurut pendapat ibunya, Mel perlu mendalami ilmu agama Islam dahulu. Mel juga perlu menguasai dan mencintai bahasa ibundanya, iaitu bahasa Melayu.

2.Ibu Mel menceritakan pelbagai kisah kehidupan di ibu kota. Antaranya, pernah berlaku rusuhan kaum kerana perpaduan yang gagal dibentuk oleh penjajah yang menguasai negara ini dahulu. Penjajah mengasingkan tiga kaum utama melalui tempat tinggal dan pekerjaan yang berbeza-beza.

3.Akhirnya, ibu Mel merestui penghijrahannya ke ibu kota. Ibunya berpesan agar Mel menjaga agama dan bahasa ibundanya. Melalui Mel, ibunya mengirinkan kitab-kitab lama kepada sahabatnya yang bernama **Munysi**. Mel berusaha untuk mencari rumah Munysi sehingga berjaya. Rumah Munysi terletak di **tanah rizab Melayu** di pinggir kota. Seterusnya, Mel menyerahkan kitab-kitab lama itu kepada Munysi.



4. Sepanjang menetap di ibu kota, Mel melihat gelagat anak-anak muda yang **tidak mengamalkan ajaran agama Islam. Pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan** berleluasa di mana-mana. Selain itu, mereka menggunakan bahasa yang **bercampur-aduk dan dalam loghat yang direka-reka**. Mel bingung dan malu apabila melihat keadaan tersebut.

5. Suatu hari, Mel mendengar khabar tentang rancangan projek perumahan di kawasan kediaman Munsyi. Penduduk di situ diarahkan berpindah ke tempat lain. Mel menangis apabila melihat kampung rizab Melayu itu dirobohkan, termasuk rumah Munsyi. Kitab-kitab lama yang dihadiahkan oleh ibunya turut musnah.

6. Mel berusaha untuk mencari Munsyi tetapi gagal. Pejuang bahasa Melayu itu telah menghilangkan diri, seperti hilangnya satu-satunya tanah rizab Melayu di ibu kota itu.



## Tema

Tema cerpen ini ialah semangat cinta akan **agama, bangsa, bahasa, dan budaya** yang tersemai dalam jiwa sekumpulan warganegara.

## Persoalan

1. Persoalan penghijrahan ke kota dalam kalangan anak muda untuk kelangsungan hidup
2. Persoalan kepentingan mempertahankan bahasa ibunda
3. Persoalan strategi kuasa asing untuk memecah-belahkan penduduk di sesebuah negara
4. Persoalan kepentingan mempelajari sejarah

## Watak utama: Mel

1. Mel anak bujang seorang wanita yang digelarnya sebagai `bonda". Dia menetap di kampung bersama-sama dengan ibunya itu.
2. Dia bijak merancang masa depan. Buktinya, dia ingin berhijrah ke kota untuk mencari pekerjaan yang menjamin masa depannya dan mengukuhkan ekonominya. Hal ini demikian kerana dia sedar bahawa dia tidak dapat membina masa depan yang baik jika terus menetap di kampung.



3. Mel amat taat akan ibunya. Dia mendengar nasihat ibunya supaya tidak pergi ke kota selagi dirinya belum mempunyai ilmu agama dan jati diri yang teguh.
4. **Dia mempunyai jati diri yang teguh.** Sepanjang berada di kota, Mel sentiasa memelihara agama dan bahasa ibundanya. Sungguhpun dia melihat bangsanya kian hilang identiti dan jati diri, seperti bergaul bebas antara lelaki dengan perempuan dan menggunakan bahasa rojak ketika berbual-bual, dia tidak terpengaruh.

### **Watak sampingan: Bonda**

1. Dia ibu Mel dan menetap di kampung bersama-sama dengan anaknya itu.
2. Sebagai ibu, dia penyayang. Buktinya, dia mendidik anaknya dengan ilmu pengetahuan dan ajaran agama supaya anaknya itu mempunyai jati diri yang teguh. Selagi Mel belum menguasai ilmu agama dan bahasa yang mantap, dia tidak mengizinkan anaknya itu berhijrah ke ibu kota.
3. Dia berilmu. Buktinya, dia mengetahui sejarah ibu kota termasuk dasar penjajah dan peristiwa rusuhan kaum dengan terperinci.



## Watak sampingan: Munsyi

1. Dia sahabat lama Bonda.
2. Dia berusia separuh abad (warga emas) dan menetap di pinggir ibu kota. Rumahnya daripada kayu yang berukir indah dengan pelbagai seni dan corak.
3. **Munsyi pejuang bahasa Melayu**. Oleh sebab itulah, ibu Mel menghadiahkan beberapa buah kitab lama warisan Melayu yang sangat berharga kepadanya.

## Ekstra

1. Pada pendapat anda, bagaimanakah peristiwa **rusuhan kaum** [ 1969 ] dapat dielakkan daripada berulang?
  - (a) Kerajaan dan pihak swasta menganjurkan pelbagai program ke arah penyatuan rakyat yang pelbagai kaum
  - (b) Rakyat menghormati hak kaum-kaum lain
  - (c) Pemerintah mestilah adil kepada semua kaum
2. Pada pendapat anda, apakah kesan buruk daripada peristiwa rusuhan kaum terhadap negara kita?
  - (a) Banyak nyawa terkoban
  - (b) Keadaan politik negara tidak stabil
  - (c) Aktiviti ekonomi lumpuh kerana urusan niaga tidak dapat dijalankan dengan lancar



3. **Pada pendapat anda**, bagaimanakah kita dapat menyelamatkan bangsa dan negara daripada pihak penjajah?

(a) Memupuk keberanian dan semangat patriotik yang tinggi

(b) Bersatu padu dan saling membantu antara kaum

(c) Berusaha untuk mendapatkan pendidikan tinggi



**DIDIK** PUSAT TUISYEN BAHASA MELAYU

马来文专科补习班 TEL NO : 016 88 22 114 / 084- 215 415 [ CIKGU CHAI ]